



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 27 APRIL 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RM3M JUMP IN ONLINE SALES OF AGRO-BASED PRODUCTS, NEWS, NST -19	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
2.	PEMBELIAN, JUALAN PRODUK ASAS TANI SECARA DALAM TALIAN MENINGKAT, NEWS, BERNAMA -10	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	JUALAN HASIL PERTANIAN DALAM TALIAN MELONJAK, NASIONAL, BH -13	
4.	KLINIK HAIWAN, VETERINAR DIBENARKAN BEROPERASI, MEMERANGI WABAK COVID-19, SH -2	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
5.	KLINIK VETERINAR SWASTA DIBENAR BEROPERASI, MUKA DUA, BH -2	
6.	KLINIK HAIWAN SWASTA DIIZIN BEROPERASI, LOKAL, HM -5	
7.	VET CLINICS CAN OPERATE ON APPOINTMENT BASIS, NEWS, NST -19	
8.	VETERINARY CLINICS CAN STAY OPEN DURING MCO, NATION, THE STAR -6	
9.	BERNAS CATAT PENINGKATAN HAMPIR 10 PERATUS, EKONOMI, MINGGUAN SARAWAK -31	PADIBERAS NASIONAL BERHAD (BERNAS)
10.	PASAR AWAM BAHAU DITUTUP 14 HARI, SINAR NEGERI SEMBILAN/TERENGGANU/KELANTAN, SH -12	LAIN-LAIN
11.	PASAR PAGI TAMAN MEGAH DITUTUP SEMENTARA, MEMERANGI WABAK COVID-19, SH -11	
12.	TUTUP 14 HARI, LOKAL, HM -6	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# RM3m jump in online sales of agro-based products

**JASIN:** The online sales and purchase of agro-based products recorded an increase of more than RM3 million in the five weeks since the Movement Control Order (MCO) was implemented, said Deputy Agriculture and Food Industry Minister I Datuk Seri Ahmad Hamzah. He said the increase included transactions conducted through the Agrobazaar Online and NekmatBiz platforms handled by the Federal Agricultural Marketing Authority. He added that the increase was also based on the cooperation with companies conducting online sales and food delivery services, like Redbox, Lazada, Foodpanda, Bungkusit and Karhoo. “It is easier for consumers to get supplies and entrepreneurs get to sell their agro-based products, such as crops, livestock and fish.” He said this after officiating a ceremony to hand over food contributions in conjunction with the Jasin parliamentary-level Ramadan event here yesterday.

**Bernama**

Headline	Pembelian, jualan produk asas tani secara dalam talian meningkat		
MediaTitle	Bernama (BM) ( <a href="http://www.bernama.com/bm">www.bernama.com/bm</a> )		
Date	26 Apr 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,000
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,000

## Pembelian, jualan produk asas tani secara dalam talian meningkat

JASIN, 26 April -- Pembelian dan jualan produk berdasarkan industri asas tani secara dalam talian mencatat peningkatan lebih RM3 juta dalam tempoh lima minggu sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Mak...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

# Jualan hasil pertanian dalam talian melonjak

**Jasin:** Jualan produk berasaskan pertanian secara dalam talian merekodkan peningkatan hasil melebihi RM3 juta dalam tempoh lima minggu sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata pencapaian itu termasuk menggunakan platform pemasaran digital AgroBazaar Online dan NekmatBiz di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Katanya, usaha itu bertepatan dilaksanakan dalam tempoh penguatkuasaan PKP bagi memudahkan pengguna mendapatkan bekalan makanan mentah yang segar, berkualiti dan harga berpatutan.

"Antara yang menyumbangkan kepada peningkatan itu apabila kita turut mengadakan kerjasama dengan beberapa syarikat seperti syarikat perniagaan AirAsia, selain menerusi RedBox, Lazada, Food Panda, Bungkus Kit dan Kahoo.

"Kita juga dalam proses menjalinkan kerjasama dengan Go Go Pasar bagi kawasan

Lembah Klang untuk memperluaskan lagi kemudahan tempahan dalam talian yang semakin diterima ramai," katanya selepas menyampaikan sumbangan beras dan kurma kepada imam masjid serta surau Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Rambai, di sini, semalam.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Jasin turut menyampaikan sumbangan kepada beberapa pertubuhan amal di daerah berkenaan termasuk Rumah Pengasih Jasin.

Ahmad berkata, premis Pasar Segar Terkawal (PST) yang diwujudkan ketika PKP mencatatkan hasil jualan memberangsangkan iaitu lebih RM 65 juta.

Katanya, kewujudan 140 premis PTS termasuk 33 di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) mendapat sambutan baik sama ada menerusi tempahan secara atas talian atau melalui kaunter pandu laju.

"Hasil jualan yang kita peroleh itu juga termasuk melalui tempahan dalam talian dan kita lihat cara ini cukup berkesan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/4/2020	SINAR HARIAN	MEMERANGI WABAK COVID-19	2

## Klinik haiwan, veterinar dibenarkan beroperasi

**PUTRAJAYA** - Kerajaan membenarkan mana-mana klinik haiwan dan veterinar di negara ini beroperasi sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa empat bermula 29 April ini.

Menyatakan itu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, perkhidmatan klinik berkenaan bagaimanapun diberi kebenaran hanya bersarkan temu janji dengan pemilik haiwan yang dikehendaki menghubungi klinik berdekatan terlebih dahulu.

Menurutnya, ia bagi mengelak berlaku kesesakan di klinik veterinar dan

haiwan berkenaan.

"Ramai pencinta haiwan bertanya adakah klinik haiwan dibuka pada tempoh PKP akan datang bagi membolehkan haiwan peliharaan mereka dirawat dan sebagainya.

"Oleh itu, kerajaan bersetuju membenarkan klinik haiwan dan veterinar beroperasi pada PKP fasa empat tetapi perkhidmatan adalah semata-mata berdasarkan temu janji sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Khas Menteri Menteri Mengenai Pelaksanaan PKP disini semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA DUA	MURAKA SURAT
27/4/2020	BERITA HARIAN			2

# Klinik veterinar swasta dibenar beroperasi

**Putrajaya:** Kerajaan bersetuju membenarkan klinik veterinar swasta beroperasi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa. Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata operasi klinik bagaimanapun hanya dibenar beroperasi berdasarkan temu janji dengan pemilik haiwan.

“Pemilik haiwan boleh menghubungi klinik veterinar berdekatan dengan lokasi tempat tinggal untuk mendapatkan tarikh janji temu dahu bagi elak kesesakan di klinik berkenaan. “Langkah ini juga bertujuan mengawal pergerakan secara besar-besaran,” katanya, semalam.

# Klinik haiwan swasta diizinkan beroperasi

**Kuala Lumpur:** Kerajaan bersetuju memberi kebenaran kepada klinik veterinar swasta beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ramai pencinta haiwan bertanya sama ada klinik veterinar dibuka kerana jika tidak tentu haiwan peliharaan mereka yang sakit tidak dapat dirawat.

Menurutnya, kerajaan bersetuju membenarkan klinik veterinar ini dibuka, tetapi perkhidmatan rawatan ke atas haiwan hendaklah dilakukan berdasarkan temu janji.

"Pemilik haiwan peliharaan perlu menghubungi klinik veterinar berdekatan dengan lokasi yang mereka tinggal untuk mendapatkan tarikh temu janji terlebih dahulu."

"Ini bagi mengelak klinik veterinar sesak selain me-

ngawal pergerakan secara besar-besaran," katanya pada sidang media harian di Putrajaya di sini, semalam.

Mengulas mengenai pengagihan penutup hidung dan mulut percuma Ismail Sabri berkata, seperti diumumkan sebelum ini, kerajaan memperuntukkan 30.7 juta keping untuk orang ramai.

"Proses pengagihan ini diuruskan dan diselaraskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah melalui 162 pejabat daerah.

"Sehingga semalam sebanyak 24.8 juta keping penutup hidung dan mulut atau 81 peratus sudah diagihkan yang mana setiap isi rumah diberi empat keping topeng muka," katanya.

Beliau berkata, bekalan penutup hidung dan mulut juga dihantar ke Sabah dan Sarawak dan dalam proses pengagihan ke daerah.

# Vet clinics can operate on appointment basis

**KUALA LUMPUR:** Veterinary clinics will be allowed to operate on appointment basis, said Defence Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. Appointment visits would avoid over-crowding at clinics, he said. “There have been inquiries from the public who were unable to send their pets for treatment as clinics are closed. Yes, we allow them to take the animals to the vets, but they need to contact the nearest veterinary clinic to get an appointment date prior to the visit.”

# Veterinary clinics can stay open during MCO

**PETALING JAYA:** Veterinary clinics are allowed to remain open during the movement control order period (MCO), says Senior Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

However, he said pet owners must call the clinics nearest to their home to set an appointment first.

"This is to avoid congestion at these clinics," he told a press conference yesterday.

Ismail Sabri also said the government had allocated 30.7 million face masks for the public.

"State and district disaster management committees are distributing the masks through 162 district offices.

"So far, 24.8 million masks (81%) have been distributed. Four masks were given to each household.

"Masks were also delivered to Sabah and Sarawak," he said..

Since March 30, he said, sanitisation exercises had been carried out at 4,150 locations, including 13 red zones.

"A total of 8,035 government and commercial premises, and public spaces had been sanitised.

"On Saturday, a total of 86 sanitisation operations were carried out, covering 35 red and yellow zones in nine states, including Johor (31 operations) and Perak (17).

"Sanitisation was also carried out at 34 government premises, 23 public spaces, 39 commercial centres, five residential areas and four supermarkets on that day," he added.

Since April 3, a total of 21,180 Malaysians returning from abroad had been quarantined.

"Up to April 17, a total of 7,559 of them were allowed to return home after completing the mandatory quarantine," he said.

Headline	BERNAS catat peningkatan hampir 10 peratus		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	26 Apr 2020	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	37,981
Page No	31	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	406 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,515
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,545



# BERNAS catat peningkatan hampir 10 peratus

**KOTA KINABALU:** Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) mencatatkan peningkatan hampir 10 peratus bagi jualan beras di Sabah pada tiga bulan pertama 2020 berbanding tempoh sama tahun lepas.

BERNAS menerusi kenyataan semalam berkata, jualan beras turut naik mendadak pada April iaitu sebanyak 40 peratus daripada purata jualan biasa di negeri itu.

"Selain itu, terdapat penambahan sebanyak 27 peratus bagi pemborong beras yang tidak mempunyai rekod pembelian sebelum ini dan sekarang telah mula membuat pembelian beras dengan BERNAS, manakala sekitar 61 peratus pemborong di Sabah membuat pembelian beras lebih daripada jumlah belian biasa.

"Daripada peratusan itu, sebanyak 37 pemborong membuat belian melebihi 100 peratus daripada jumlah belian biasa," menurutnya.

BERNAS berkata demikian



**PENINGKATAN** hampir 10 peratus bagi jualan beras di Sabah pada tiga bulan pertama 2020 berbanding tempoh sama tahun lepas.

bagi mengulas laporan berita bertajuk 'BERNAS Digesa Tidak Catu Bekalan Beras Di Sabah' yang diterbitkan akhir-bar tempatan pada Rabu.

Berita itu melaporkan antara lain Naib Presiden Majlis Belia Malaysia, Azuwan Marjan menggesa BERNAS tidak membuat catuan bekalan beras kepada pem-

borong di Sabah selepas beliau dimaklumkan oleh para pemborong bahawa BERNAS mula berbuat demikian pada 13 April lepas.

Menjelaskan perkara itu, BERNAS berkata, keadaan pembelian luar biasa mendorong agensi tersebut mengambil langkah berja-



NAIB Presiden  
Majlis Belia Malaysia,  
Azuwan Marjan.

ga-jaga dengan mengawal jualan kepada pemborong tertentu untuk mengelakkan berlakunya sorakan beras oleh pihak berkaitan. Ini bagi menghalang kemungkinan beras yang sepatahnya dibekalkan untuk pasaran Sabah dibawa ke luar negara seperti Indonesia dan Filipina setelah mengambil

kira faktor harga beras di Malaysia adalah terendah di rantau Asia Tenggara, kata BERNAS.

BERNAS berkata pemanfaatan bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan terus dijalankan bagi memastikan rantaian bekalan makanan utama negara terus terkawal

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/4/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI SEMBILAN/ TERENGGANU/ KELANTAN	12

## Pasar Awam Bahau ditutup 14 hari



**Pasar Awam Bahau ditutup selama 14 hari sehingga 10 Mei untuk kerja-kerja pembersihan.**

**JEMPOL** - Pasar Awam Bahau ditutup selama 14 hari bermula hari ini sehingga 10 Mei depan untuk kerja-kerja pembersihan se- lepas seorang peniaga di situ disahkan positif koronavirus (Covid-19).

Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah Jempol, Syahrul Nizam Saleh berkata, peniaga berusia 44 tahun yang disahkan positif Covid-19 pada Jumaat lalu itu dipercayai dari kluster Pasar Borong Selayang, Kuala Lumpur.

“Seramai 60 peniaga pasar itu diwajibkan untuk menjalani saringan bermula jam 8 pagi esok (hari ini) di Medan Niaga Bahau iaitu bersebelahan dengan Pasar Awam Bahau.

“Orang ramai tidak perlu panik kerana keadaan adalah terkawal,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, pasar ayam yang berada berhampiran pasar berkenaan tidak ditutup termasuk pasar tidak halal namun kemasukan pelanggan diperketatkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/4/2020	SINAR HARIAN	MEMERANGI WABAK COVID-19	11


## Pasar Pagi Taman Megah ditutup sementara

### DAMANSARA

Pasar Pagi Taman Megah ditutup sementara susulan Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bandar Utama menerima satu laporan kes positif koronavirus (Covid-19) melibatkan seorang peniaga sayur di pasar berkenaan.

ADUN Bandar Utama, Jamaliah Jamaluddin berkata, pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) giat melakukan operasi pembersihan dan pembasmiian kuman di pasar berkenaan.

“Peniaga-peniaga yang lain dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan Covid-19 di hospital.



**Pasar Pagi Taman Megah, Damansara ditutup sementara susulan terdapat satu laporan kes positif Covid-19 melibatkan seorang peniaga sayur di pasar berkenaan semalam.**

“Pihak kami masih belum menerima apa maklumat yang lain kerana ia masih dalam siasatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Arahan akan dikeluarkan oleh KKM sekiranya terdapat sebarang tindakan yang perlu diambil,” katanya dalam satu ke-

nyataan menerusi Facebook beliau semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA
27/4/2020	HARIAN METRO	LOKAL	SURAT 6

PASAR Awam Bahau ditutup sehingga 10 Mei bagi membolehkan kerja pembersihan dijalankan selain mengelakkan jangkitan dan penyebaran virus.

# Tutup 14 hari

Seorang peniaga Pasar Awam Bahau sah positif Covid-19

Oleh Abnor Hamizan  
Abd Manap  
am@hmetro.com.my

**Jempol**

selepas seorang peniaga di pasar berkenaan disahkan positif Covid-19. Pengurusan Jawatankuasa Pe-

ngurusan Bencana Daerah Jempol, Syahrul Nizam Saleh berkata, penutupan dilakukan sehingga 10 Mei bagi membolehkan kerja pembersihan dijalankan selain mengelakkan jangkitan dan penyebaran virus.

Beliau berkata, peniaga bersiar 44 tahun itu disahkan positif pada 24 April lalu dan dipercuryai daripada Kluster Pasar Borong Taek Limpape.

"Seramai 60 peniaga di pasar awam itu diwajibkan menjalani ujian saringan di Medan Niaga Bahau bermula 8 pagi hari ini (semalam). Kami meminta semua peniaga hadir menjalani saringan berkenaan," katanya dalam kenyataan semalam.

Syahrul Nizam berkata, keadaan di sekitar bandar Bahau terkawal walaupun dimaklumkan ada segelintir penduduk panik dengan kejadian itu. Beliau berkata, orang ramai dinasihatkan mengambil kebersihan diri, kekal di rumah dan patuh setiap arahan daripada pihak berkuasa pada setiap masa.

Berdasarkan kes terkumpul, sehingga semalam 12 pesakit disahkan Covid-19 di Jempol dan semua yang menerima rawatan disahkan sembah.

